

“Pilihan raya kali ini
sungguh signifikan
kerana ia adalah pilihan
raya pertama selepas
pembentangan Rancangan
Malaysia Kesembilan
(RMK-9), rancangan
yang menjana keupayaan
negara menjadi negara
maju”

Najib Razak
Timbalan Pengerusi BN

Sarawak perlu mandat besar

6H-20/05/2016
SIMUNJAN: “Undi Barisan Nasional (BN). BN berjanji akan membawa perubahan besar di bumi Sarawak”. Itulah mesej terakhir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sehari menjelang pilihan raya umum negeri Sarawak kesembilan, semalam.

Malah, katanya, rakyat Sarawak tidak perlukan pembangkang kerana wakil rakyat BN sendiri boleh menegur kerajaan seperti yang berlaku di Dewan Rakyat, yang mana suara wakil rakyat BN lebih lantang berbanding suara pembangkang.

Timbalan Pengerusi BN itu yang berkempen di tiga kawasan luar bandar di Sarawak sehari suntuk semalam, turut meminta rakyat Sarawak keluar beramai-ramai mengundi hari ini dan memberikan mandat lebih besar kepada BN.

“Mandat yang besar diperlukan bagi membolehkan BN menubuhkan sebuah kerajaan kuat dan stabil, sekali gus akan membolehkan kerajaan BN membawa perubahan lebih besar ke Bumi Kenyalang,” katanya berucap pada upacara memulakan kerja pembinaan Masjid Daerah Simunjan berharga RM1.5 juta di sini, semalam.

Beliau menaiki helikopter seawal jam 8.30 pagi semalam untuk ke Beladin dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Beting Maro, sebelum ke DUN Simunjan dan mengakhiri lawatannya pada lewat petang di Pekan Lachau bagi menemui pengundi DUN Balai Ringin dan DUN Bukit Begunan di Bahagian Sri Aman.

Najib berkata, rakyat Sarawak harus mengambil iktibar daripada pengalaman negeri jiran mereka Sabah, apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) yang keluar daripada BN memerintah satu ketika dulu.

“Selepas 10 tahun PBS akhirnya sedar tidak mungkin mereka dapat memajukan Sabah secara sendirian tanpa sokongan Kerajaan Pusat.

“PBS sedar bahawa tidak mungkin nasib kaum Kadazan dapat dibela kalau ia keluar dari BN dan selepas kembali ke dalam BN, semua kaum di Sabah kini menikmati pembangunan yang pesat.

“Jadi kepada pengundi di Sarawak, kita (BN) tidak hendak kemenangan yang tipis esok... kita mahu mandat yang lebih besar, berikan kemenangan dengan majoriti lebih besar kepada calon BN,” katanya.

Beliau berkata, rakyat Sarawak tidak perlukan pembangkang kerana wakil rakyat BN sendiri pun boleh menegur kerajaan seperti yang berlaku di Dewan Rakyat, yang mana suara wakil rakyat BN lebih lantang berbanding suara pembangkang.

Berucap pada upacara perletakan batu asas Sekolah Kebangsaan Beladin sebelum itu, Najib berkata, memberikan mandat yang besar kepada BN tidak bermakna demokrasi tidak wujud.

Katanya, mandat besar diperlukan menjadikan kerajaan lebih kuat dan stabil untuk terus memacu pembangunan Sarawak menjadi maju menerusi Wawasan 2020.

“Saya nak menerusi pilihan raya ini rak-

yat Sarawak memberi isyarat jelas mereka menyokong wawasan Malaysia hendak menjadi negara maju,” katanya yang turut meluluskan peruntukan RM1 juta untuk membina jalan kampung di Beting Maro.

Bercakap kepada pemberita di Beladin, beliau merayu pengundi keluar beramai-ramai mengundi serta jangan bimbang mengenai keselamatan mereka, berikutan anggota polis yang mencukupi sudah ditempatkan di semua kawasan DUN bagi menjamin kelancaran proses pengundian.

“Saya ingin menyeru semua pengundi supaya menunaikan tanggungjawab mereka untuk mengundi. Sistem demokrasi dan Perlembagaan negara kita memberi kita hak untuk menentukan kerajaan yang akan memerintah.

“Kita diberi peluang untuk menentukan hala tuju pemerintahan Sarawak untuk tempoh masa lima tahun akan datang. Jangan sia-siakan peluang dan hak yang diberikan oleh Perlembagaan negara kepada kita semua,” katanya.

Najib berkata, pasukan keselamatan sudah membuat persediaan cukup rapi untuk menjamin keselamatan orang ramai yang keluar mengundi.

Katanya, pengundi di Sarawak juga tidak harus menganggap proses demokrasi sebagai perkara kecil dan remeh kerana ia akan menentukan masa depan mereka.